

14/10/1997

#### Australia pasaran pelancongan Malaysia

MELBOURNE, Isnin - Australia ialah pasaran penting bagi industri pelancongan Malaysia dan tahun lalu saja menyaksikan 150,000 rakyat negara itu melawat Malaysia, kata Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin Chik, di sini hari ini.

Pelbagai langkah dan pendekatan dilakukan untuk menggalakkan rakyat Australia menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan mereka, kata beliau kepada wartawan tempatan di sini sempena dengan road show Pesta Kebudayaan dan Makanan Malaysia di Australia dan New Zealand di sini.

Pesta 10 hari itu yang bermula Jumaat lalu mempamerkan seni tarian, nyanyian makanan dan kraftangan Malaysia sebagai produk menambat hati 'tetamunya'.

Sabbaruddin yang tiba di sini pagi tadi (Isnin) mengetuai rombongan seramai 40 anggota mengandungi penari, pemuzik dari Kompleks Budaya Negara, dua penyanyi, dua chef dan pegawai dari Lembaga pelancongan Malaysia.

Turut serta dalam rombongan itu ialah Ketua Pengarah Pelancongan Malaysia, Datuk Dr Arshad Hashim dan anggota lembaganya Zainuddin Mohd Zain.

Pada pertemuan dengan wartawan tempatan itu, Sabbaruddin dihujani soalan mengenai jerebu, Sukan Komanwel ke-16 di Kuala Lumpur, kejatuhan nilai ringgit dan juga kecaman Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap pakar kewangan Amerika Syarikat George Soros. - Bernama

(END)